



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KESAN INTERVENSI PROGRAM PENYATUAN
PASUKAN TERHADAP EFIKASI KOLEKTIF,
KESEPADUAN PASUKAN DAN
KOMPETENSI KEJURULATIHAN
ATLET HOKI REMAJA**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SAIFUL BAHRI BIN MAT

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KESAN INTERVENSI PROGRAM PENYATUAN PASUKAN TERHADAP EFIKASI
KOLEKTIF, KESEPADUAN PASUKAN DAN KOMPETENSI
KEJURULATIHAN ATLET HOKI REMAJA**

SAIFUL BAHRI BIN MAT



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI SAINS SUKAN DAN KEJURULATIHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan
Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada09.....OGOS..... (bulan) 20²².....

i. Perakuan pelajar

Saya, **SAIFUL BAHRI BIN MAT** NO.MATRIK: **P20111001005** FAKULTI: **SAINS SUKAN DAN KEIURULATIHAN** dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk **KESAN INTERVENSI PROGRAM PENYATUAN PASUKAN TERHADAP EFIKASI KOLEKTIF, KESEPADUAN PASUKAN DAN KOMPETENSI KEIURULATIHAN ATLET HOKI REMAJA**

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya.

.....
Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia

Saya, **PROFESOR MADYA NELFIANTY BINTI MOHD RASYID** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **KESAN INTERVENSI PROGRAM PENYATUAN PASUKAN TERHADAP EFIKASI KOLEKTIF, KESEPADUAN PASUKAN DAN KOMPETENSI KEIURULATIHAN ATLET HOKI REMAJA** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sepenuhnya syarat untuk memperoleh **IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

9/8/22

Tarikh:

.....
Tandatangan Penyelia

UPSI/IPS-3/BO 31
Pind.: 01 m/s: 1/1**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES****BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: **KESAN INTERVENSI PROGRAM PENYATUAN PASUKAN TERHADAP EFIKASI
KOLEKTIF, KESEPADUAN PASUKAN DAN KOMPETENSI KEJURULATIHAN ATLET
HOKI REMAJA**

No. Matrik / Matric's No.: **P20111001005**

Saya / I: **SAIFUL BAHRI BIN MAT**

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

**TIKAP TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 09 Ogos 2022

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.
Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana limpah dengan limpah dan izinNYA disertasi bertajuk “Kesan Intervensi Program Penyatuan Pasukan Terhadap Efikasi Kolektif, Kesepaduan Pasukan dan Kompetensi Kejurulatihan Atlet Hoki Remaja” ini berjaya disiapkan sebagai memenuhi syarat memperoleh Ijazah Doktor Falsafah Psikologi Sains Sukan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih khas buat pensyarah Profesor Madya Dr. Nelfianty binti Mohd Rasyid, Profesor Dr. Shaharudin bin Abdul Aziz dan Dr. Norsilawati binti Abdul Razak di atas kesediaan untuk meluangkan masa serta tidak pernah jemu dalam memberi teguran, panduan, komitmen, bimbingan serta cadangan yang membina kepada penyelidik di sepanjang proses penulisan disertasi ini.



Ucapan terima kasih kepada Bahagian Tajaan, Kementerian Pelajaran Malaysia kerana menganugerahkan Hadiah Latihan Persekutuan bagi membolehkan penyelidik menjalankan kajian ini dengan lebih berkesan.

Ucapan terima kasih juga kepada jurulatih pasukan hoki bawah 15 tahun Sekolah Sukan Bukit Jalil dan Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail, Bandar Penawar kerana memberikan kerjasama sepenuhnya. Tidak lupa juga jutaan terima kasih kepada atlet-atlet hoki yang mengambil bahagian dalam kajian ini. Ucapan terima kasih juga kepada pengetua sekolah yang terlibat serta membenarkan kajian ini dijalankan di sekolah mereka. Kepada Bahagian Perancangan Dasar dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Perak dan Pejabat Pendidikan Daerah Kinta Utara, penyelidik ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kerana meluluskan permohonan menjalankan kajian ini.

Tidak lupa ucapan terima kasih ditujukan khas buat keluarga tercinta serta individu-individu yang telah banyak membantu secara langsung atau tidak langsung sepanjang proses pelaksanaan kajian ini. Terima kasih atas sokongan anda semua. Doa restu kepada semua yang terlibat dalam kajian ini semoga sentiasa dalam RahmatNYA.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menilai kesan intervensi Program Penyatuan Pasukan terhadap efikasi kolektif, kesepaduan pasukan dan kompetensi kejurulatihan ke atas atlet pasukan hoki remaja. Pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kuasi eksperimen telah digunakan dalam kajian ini. Peserta kajian terdiri daripada 44 orang pemain hoki bawah 15 tahun di dua buah sekolah sukan. Instrumen kajian adalah Program Penyatuan Pasukan yang dibina oleh penyelidik dan soal selidik CEQS (*Collective Efficacy Questionnaire for Sports*), GEQ (*Group Environment Questionnaire*) dan CCS (*Coaching Competency Scale*) untuk menguji efikasi kolektif, kesepaduan pasukan dan kompetensi kejurulatihan. Data dianalisis secara deskriptif menggunakan min, sisihan piawai dan peratusan. Analisis inferens menggunakan ujian MANOVA. Dapatan analisis deskriptif menunjukkan aras persepsi atlet terhadap efikasi kolektif, kesepaduan pasukan dan kompetensi kejurulatihan berada pada tahap yang tinggi. Analisis MANOVA menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan kesepaduan pasukan antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan di mana skor kesepaduan pasukan $F(1, 42) = 47.89$ ($p < .05$). Kesimpulan kajian menunjukkan Program Penyatuan Pasukan berupaya mempertingkatkan kesepaduan pasukan pemain hoki remaja. Implikasi kajian mencadangkan Program Penyatuan Pasukan sebagai alternatif kepada latihan pendekatan psikologi bagi membantu meningkatkan motivasi dalaman atlet dalam sukan hoki.





EFFECT OF THE TEAM BUILDING PROGRAM INTERVENTION ON COLLECTIVE EFFICACY, TEAM COHESION AND COACHING COMPETENCY OF MALAYSIAN YOUTH HOCKEY TEAM

ABSTRACT

This study was aimed to evaluate the effect of the Team Building Program on collective efficacy, team cohesion and coaching competency of youth hockey team players. Quantitative approach with quasi experimental design was used for this study. The sample of the study consisted of 44 under 15 years old hockey players from two sports schools. The research instrument is a Team Building Program developed by researchers and the Collective Efficacy Questionnaire for Sports (CEQS), Group Environment Questionnaire (GEQ) and Coaching Competency Scale (CCS) questionnaire to test collective efficacy, team cohesion and coaching competency. Descriptive data was analyzed using mean, standard deviation and percentage. Inferential data analysis using MANOVA. Results of the descriptive analysis showed that the level of athletes' perceptions of collective efficacy, team cohesion and coaching competency were at a high level. MANOVA analysis showed that there was a significant difference in team cohesion between the experimental group and control group where the team cohesion score $F(1, 42) = 47.89$ ($p < .05$). The conclusions of the study showed that the Team Building Program can improve the cohesion of youth hockey team players. The study's implications suggest that the Team Building Program is used as an alternative to psychological approaches training to help improve the internal motivation of athletes in hockey.



**KANDUNGAN****Muka surat**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	6
1.3 Pernyataan Masalah	12
1.4 Objektif Kajian	20
1.5 Persoalan Kajian	20
1.6 Kepentingan Kajian	21
1.7 Batasan Kajian	24
1.7.1 Delimitasi Kajian	25
1.7.2 Limitasi Kajian	26



1.8	Definisi Operasional	27
-----	----------------------	----

1.9	Rumusan	34
-----	---------	----

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	35
-----	------------	----

2.2	Efikasi Kolektif	36
-----	------------------	----

2.2.1	Definisi dan Teoritikal Berkaitan Efikasi Kolektif	38
-------	--	----

2.2.2	Sumber Efikasi Kolektif	46
-------	-------------------------	----

2.2.2.1	Pencapaian Prestasi Masa Lalu	48
---------	-------------------------------	----

2.2.2.2	Pengalaman Tumpang Rasa	51
---------	-------------------------	----

2.2.2.3	Pujukan Lisan	52
---------	---------------	----

2.2.2.4	Maklum Balas Fisiologi	53
---------	------------------------	----

2.2.2.5	Sumber Unik Efikasi Kolektif	54
---------	------------------------------	----

2.3	Pengukuran Efikasi Kolektif	57
-----	-----------------------------	----

2.4	Kajian Berkaitan Efikasi Kolektif	63
-----	-----------------------------------	----

2.5	Kesepaduan Pasukan	72
-----	--------------------	----

2.5.1	Definisi dan Konsep Kesepaduan	73
-------	--------------------------------	----

2.5.2	Ciri-Ciri Kesepaduan	77
-------	----------------------	----

2.6	Model Konseptual Kesepaduan Dalam Sukan	78
-----	---	----

2.6.1	Model Carron, Widmeyer dan Brawley (1985)	79
-------	---	----

2.7	Kesepaduan Pasukan dan Prestasi	83
-----	---------------------------------	----

2.8	Kesepaduan Pasukan dan Efikasi Kolektif	87
-----	---	----

2.9	Kesepaduan Pasukan dan Kompetensi Kejurulatihan	89
-----	---	----

2.10	Kompetensi Kejurulatihan	90
2.10.1	Model Konseptual Kompetensi Kejurulatihan	93
2.10.1.1	Model Multidimensi Kepimpinan Dalam Sukan	94
2.10.1.2	Model Kerja Keberkesanan Kejurulatihan Horn (2002)	96
2.10.1.3	Model Kompetensi Kejurulatihan Feltz et. al, (1999)	99
2.11	Kajian Berkaitan Kompetensi Kejurulatihan	103
2.12	Program Penyatuan Pasukan	118
2.12.1	Pendekatan Model Program Penyatuan Pasukan	121
2.12.1.1	Model Penetapan Matlamat	121
2.12.1.2	Model Pendekatan Interpersonal	122
2.12.1.3	Model Jangkaan Peranan	122
2.12.1.4	Model Pengurusan Berjadual	123
2.13	Pendekatan Program Penyatuan Pasukan	123
2.14	Kajian Berkaitan Program Penyatuan Pasukan	130
2.18	Rumusan	144

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	145
3.2	Reka Bentuk Kajian	145
3.3	Kerangka Konseptual Kajian	148
3.4	Populasi dan Persampelan Kajian	151
3.5	Instrumen Kajian	153

3.5.1	Soal Selidik	154
3.5.2	Prosedur Terjemahan Soal Selidik	166
3.5.3	Program Penyatuan Pasukan	167
3.5.4	Prosedur Pelaksanaan Intervensi Program Penyatuan Pasukan	182
3.5.4.1	Peringkat Pengenalan	182
3.5.4.2	Peringkat Konseptual	183
3.5.4.3	Peringkat Praktikal	186
3.5.4.4	Peringkat Intervensi	187
3.6	Kesahan dan Kebolehppercayaan Instrumen	202
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	217
3.8	Penganalisan Data Statistik	218
3.8.1	Analisis Min dan Sisihi Piawai	219
3.8.2	Ujian MANOVA	219
3.9	Rumusan	221

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	223
4.2	Analisis Demografi Peserta	224
4.2.1	Umur Peserta	225
4.2.2	Pengalaman Dalam Sukan Hoki	225
4.2.3	Kekerapan Terpilih Mewakilli Pasukan	226



4.3	Analisis Min dan Sisihan Piawai Aras Efikasi Kolektif, Kesepaduan Pasukan dan Kompetensi Kejurulatihan Sebelum Intervensi	227
4.3.1	Aras Efikasi Kolektif Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan	228
4.3.2	Aras Kesepaduan Pasukan Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan	229
4.3.3	Aras Persepsi Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan Terhadap Kompetensi Kejurulatihan	231
4.4	Analisis perbezaan efikasi kolektif, kesepaduan pasukan dan kompetensi kejurulatihan antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan sebelum dan selepas intervensi dijalankan	235
4.6	Rumusan	243

**BAB 5****PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	244
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	
5.2.1	Analisis Demografi Peserta	245
5.2.2	Persoalan Kajian 1: Apakah aras efikasi kolektif Pasukan hoki kumpulan eksperimen dan kumpulan Kawalan sebelum intervensi dijalankan?	247
5.2.3	Persoalan Kajian 2: Apakah aras kesepaduan pasukan hoki kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan sebelum intervensi dijalankan?	250
5.2.4	Persoalan Kajian 3: Apakah aras kompetensi kejurulatihan pasukan hoki kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan sebelum intervensi dijalankan?	257





5.2.5	Persoalan Kajian 4: Adakah terdapat perbezaan efikasi kolektif, kesepaduan asukan dan kompetensi kejurulatihan anantara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan sebelum dan selepas intervensi dijalankan	262
5.3	Rumusan	279
5.4	Implikasi Kajian	284
5.4.1	Implikasi Kepada Jurulatih	285
5.4.2	Implikasi Kepada Atlet	287
5.4.3	Implikasi Kepada Pentadbir Sekolah Sukan Malaysia	288
5.5	Cadangan	289
5.6	Penutup	292
	RUJUKAN	294
	LAMPIRAN	315





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Reka Bentuk Kajian	147
3.2 Item Konstruk Keupayaan Soal Selidik CEQS	157
3.3 Item Konstruk Usaha Soal Selidik CEQS	158
3.4 Item Konstruk Kegigihan Soal Selidik CEQS	158
3.5 Item Konstruk Persediaan Soal Selidik CEQS	158
3.6 Item Konstruk Perpaduan Soal Selidik CEQS	158
3.7 Item Dimensi Tarikan Individu untuk Kumpulan Sosial (TIK-S)	160
3.8 Item Dimensi Tarikan Individu kepada Kumpulan Tugas (TIK-T)	160
3.9 Item Dimensi Integrasi Kumpulan Sosial (IK-S)	161
3.10 Item Dimensi Integrasi Kumpulan Tugas (IK-T)	161
3.11 Item Konstruk Kompetensi Motivasi Soal Selidik CCS	164
3.12 Item Konstruk Kompetensi Strategi Permainan Soal Selidik CCS	164
3.13 Item Konstruk Kompetensi Teknik Kejurulatihan Soal Selidik CCS	165
3.14 Item Konstruk Kompetensi Pembinaan Watak Soal Selidik CCS	165
3.15 Prosedur Intervensi Program Penyatuan Pasukan	187
3.16 Kesahan Kandungan Instrumen CEQS, GEQ dan CCS ($n = 5$) for Sport Questionnaire (CEQS)	206
3.17 Nilai Kebolehppercayaan Antara Subskala Collective Efficacy for Sport Questionnaire (CEQS)	207



3.18	Nilai Kebolehpercayaan Antara Konstruk Group Enviroment Questionnaire (GEQ)	208
3.19	Nilai Kebolehpercayaan Antara Dimensi Coaching Competency Scale (CCS)	208
3.20	Kesahan Kandungan Program Penyatuan Pasukan	211
3.21	Kesahan Kandungan Penentu Item Soal Selidik Program Penyatuan Pasukan	212
3.22	Nilai Kebolehpercayaan Antara Konstruk Item Soal Selidik Program Penyatuan Pasukan	214
3.23	Pekali Korelasi Kebolehpercayaan Antara Penilai Item Soal Selidik Program Penyatuan Pasukan	216
3.24	Nilai Kritikal Chi-square	221
4.1	Taburan Peserta Berdasarkan Umur	225
4.2	Taburan Peserta Berdasarkan Pengalaman Dalam Sukan Hoki	226
4.3	Taburan Peserta Berdasarkan Kekerapan Terpilih Mewakilli Pasukan	227
4.4	Skor Penilaian Aras Efikasi Kolektif Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Eksperimen Peringkat Ujian Pra	228
4.5	Skor Penilaian Aras Kesepaduan Pasukan Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Eksperimen Peringkat Ujian Pra	230
4.6	Skor Penilaian Aras Persepsi Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Eksperimen Terhadap Kompetensi Kejurulatihan Pada Peringkat Ujian Pra	231
4.7	Skor Efikasi Kolektif berdasarkan kumpulan (Ujian- <i>t</i> kumpulan tidak bersandar) Peringkat Ujian Pra	233
4.8	Skor Kesepaduan Pasukan berdasarkan kumpulan (Ujian- <i>t</i> kumpulan tidak bersandar) Peringkat Ujian Pra	234
4.9	Skor Kompetensi Kejurulatihan berdasarkan kumpulan (Ujian- <i>t</i> kumpulan tidak bersandar) Peringkat Ujian Pra	235

4.10	Skor Keputusan Ujian Multivariate Normality	237
4.11	Skor Keputusan Ujian Box's M (Box's M Test)	238
4.12	Analisis MANOVA Perbezaan Efikasi Kolektif, Kesepaduan Pasukan dan Kompetensi Kejurulatihan Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca	238
4.13	Ujian Test of Between Subjects Effects (ANOVA) Efikasi Kolektif, Kesepaduan Pasukan dan Kompetensi Kejurulatihan dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan	240
4.14	Ujian Estimated Marginal Means Perbezaan Efikasi Kolektif, Kesepaduan Pasukan dan Kompetensi Kejurulatihan Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan	242



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
2.1 Sumber dan hasil efikasi kolektif	48
2.2. Model Carron, Widmeyer dan Brawley	83
2.3 Model Multidimensi Kepimpinan Dalam Sukan	94
2.4 Model Kerja Keberkesanan Kejurulatihan Horn (2002)	97
2.5 Model Konseptual Efikasi Kejurulatihan	100
3.1 Kerangka Konseptual Kajian	150
3.2 Carta Alir Pembinaan Program Penyatuan Pasukan	175





SENARAI LAMPIRAN

- A Soal Selidik Collective Efficacy for Sport Questionnaire (CEQS)
- B Soal Selidik Group Environment Questionnaire (GEQ)
- C Soal Selidik Coaching Competency Scale (CCS)
- D Borang Menguji Kesahan Kandungan Soal Selidik CEQS, GEQ dan CCS
- E Borang Penilaian Kesahan Kandungan Program Penyatuan Pasukan
- F Borang Penilaian Kesahan Kandungan Item Soal Selidik Program Penyatuan Pasukan
- G Borang Soal Selidik Program Penyatuan Pasukan
- H Surat Kelulusan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia
- I Surat Kelulusan Bahagian Sukan, Kementerian Pelajaran Malaysia
- J Surat Kelulusan Pengarah, Jabatan Pendidikan Negeri Perak
- K Surat Kelulusan Pejabat Pendidikan Daerah Kinta Utara
- L Surat Kelulusan Pengetua, SMK Anderson
- M Surat Kelulusan Pengetua, Sekolah Sukan Bukit Jalil
- N Surat Kelulusan Pengetua, Sekolah Sukan Tunku Ismail, Bandar Penawar
- O Surat Perlantikan Pakar Penilai Kesahan Kandungan dan Ketepatan Item Soal Selidik



SENARAI SINGKATAN

CCS	Coaching Competency Scale
CEQS	Collective Efficacy Questionnaire for Sports
GEQ	Group Environment Questionnaire
IK-S	Integrasi Kumpulan Sosial
IK-T	Integrasi Kumpulan Tugas
KM	Kompetensi Motivasi
KPW	Kompetensi Pembentukan Watak
KSP	Kompetensi Strategi Permainan
KTkj	Kompetensi Teknik Kejurulatihan
TIK-S	Tarikan Individu kepada Kumpulan Sosial
TIK-T	Tarikan Individu untuk Kumpulan Tugas



BAB 1

PENGENALAN



Sifat sesebuah pasukan dalam sebarang jenis sukan secara semula jadi adalah saling bergantung antara satu sama lain untuk terus berjaya. Walaupun pasukan mempunyai ramai atlet yang berbakat dan berkemahiran namun pasukan tersebut tidak akan mencapai kejayaan jika atlet dalam pasukan bertindak secara bersendirian. Atlet dalam sukan berpasukan seperti rugby, bola keranjang, hoki dan bola tampar semestinya bergantung kepada rakan sepasukan lain supaya atlet tersebut dapat memainkan peranannya agar pasukan yang diwakilli menunjukkan prestasi terbaik dalam pertandingan. Menurut Dithurbide (2011), untuk menjamin kejayaan, individu atau atlet dalam pasukan seharusnya dapat memikul tanggungjawab yang telah diberikan dan berjaya melaksanakan tanggungjawab tersebut dengan berkesan. Hal ini bermaksud setiap ahli dalam pasukan



mesti mempercayai fungsi dan peranan rakan sepasukan yang lain bagi memenuhi kehendak dan peranan atlet itu sendiri. Apabila atlet yakin dengan kebolehan rakan sepasukan, persepsi atau kepercayaan terhadap kemampuan sendiri ketika melaksanakan tugas dapat ditingkatkan. Atlet akan lebih fokus terhadap tugas yang telah diberi kepadanya dan secara tidak langsung kemampuan pasukan dapat ditingkatkan.

Dengan terlibat dalam pasukan, atlet tidak lagi boleh bertindak secara individu tetapi telah menjadi komponen yang tidak dapat dipisahkan dari pasukan (Halbrook et al., 2012). Sebagai ahli dalam pasukan, sudah tentu mereka perlu berkongsi persepsi mengenai kecekapan pasukan. Fenomena ini dipanggil sebagai efikasi kolektif di mana ditakrifkan sebagai 'kepercayaan pasukan yang dikongsi secara bersama dalam mengatur dan melaksanakan sesiri tindakan bagi menghasilkan tahap pencapaian yang diinginkan' (Bandura, 1997). Zaccaro et al., (1995), menyatakan rasa kecekapan tersebut dapat dirasai dalam situasi ketika menyelaraskan pelbagai sumber dan dipengaruhi oleh tingkah laku kejurulatihan dan persepsi atlet terhadap kesepaduan pasukan.

Menurut Bruton et al., (2016), efikasi kolektif merupakan konstruk yang berkonsepkan individu dan pasukan. Perlakuan individu adalah asas yang membentuk kepada kecekapan pasukan dan merupakan komponen utama dalam Teori Kognitif Sosial. Berdasarkan Teori Kognitif Sosial, perlakuan individu merupakan satu proses timbal balik antara faktor kognitif, tingkah laku dan persekitaran (Bandura, 1996). Individu yang mempunyai kepercayaan sendiri yang tinggi membolehkan mereka mengawal pemikiran, perasaan dan tindakan mereka dan seterusnya mengawal bagaimana mereka seharusnya

berkelakuan. Bandura menjelaskan perlakuan tersebut sebagai efikasi sendiri yang ditafsirkan sebagai 'kepercayaan kepada kemampuan seseorang untuk mengorganisasi dan melaksanakan serentasi aksi yang dikehendaki untuk menangani pelbagai situasi'.

Bandura (1997), turut mencadangkan bahawa sumber efikasi sendiri iaitu prestasi masa lampau, pujukan lisan dan tahap psikologikal atau tekanan turut sama memberi kesan kepada efikasi kolektif. Walau bagaimanapun, kepercayaan individu tentang sesuatu perkara adalah tidak sama. Individu boleh mempunyai kepercayaan yang berbeza daripada kepercayaan dengan rakan lain dalam pasukan dan berbeza kepercayaan terhadap kemampuan pasukan (Fransen et al., 2012).

Bruton et al., (2016) juga menyatakan kepercayaan setiap ahli pasukan boleh mempengaruhi keseluruhan efikasi kolektif dalam pasukan. Menurut Bruton et al., (2016) lagi, kepercayaan terhadap efikasi kolektif dapat mempengaruhi tugas yang dipilih oleh pasukan, jumlah usaha yang ahli pasukan perlu lakukan dan bagaimana pasukan tersebut dapat mengharungi saat-saat sukar dan kemampuan pasukan untuk bangkit semula setelah pasukan mengalami kekalahan. Kepercayaan terhadap efikasi kolektif bukan sahaja berkait rapat dengan tahap kemampuan yang dimiliki individu atau pasukan tetapi turut diwakili dengan kepercayaan bahawa atlet berkemampuan melaksanakan tugas dalam situasi yang lebih mencabar. Selain itu, pasukan yang mempunyai efikasi kolektif yang tinggi lebih cenderung menetapkan matlamat pasukan agar lebih mencabar, menerapkan lebih banyak usaha untuk mencapai matlamat dan pasukan tersebut pada kebiasaannya akan lebih berjaya (Fransen et al., 2012).

Dalam sukan berpasukan, prestasi pasukan adalah terhasil daripada interaksi kompleks antara semua ahli dalam pasukan (Fransen et al., 2012). Mempunyai kesepaduan yang tinggi adalah satu kelebihan kerana kesepaduan pasukan dapat meningkatkan efikasi kolektif dan prestasi pasukan (Leo et al., 2013). Hasil kajian lampau menunjukkan kesepaduan pasukan mendatangkan faedah yang positif seperti meningkatkan efikasi kolektif (Heuze et al, 2006). Kesepaduan pasukan merupakan satu konstruk dan dianggap sebagai pemboleh ubah yang penting dalam kumpulan yang kecil (Lott & Lott, 1965).

Menurut Carron et al., (1998), kesepaduan pasukan merujuk kepada ‘satu proses yang dinamik yang dicerminkan oleh kecenderungan untuk kumpulan berkerjasama dan kekal bersatu dalam mengejar objektif instrumental dan atau untuk memuaskan keperluan afektif ahli’ dan merupakan topik yang kerap dikaji dalam penyelidikan yang mengkaji berkaitan prestasi sesebuah pasukan (Jenkins & Alderman, 2011; Lan, 2010; Ward, 2010). Satu aspek penting yang berkait dengan definisi tersebut ialah kesepaduan mengandungi dua orientasi iaitu orientasi tugas dan orientasi sosial. Secara khusus, orientasi tugas merujuk kepada kecenderungan secara umum ahli-ahli pasukan untuk bersama dalam mencapai objektif pasukan sementara orientasi sosial pula mewakili perasaan terhadap keakraban, persamaan dan ikatan dalam kumpulan sebagai satu unit sosial (Carron et al, 2002).

Menurut Hampson dan Jowett (2012), kesepaduan pasukan dan efikasi kolektif merupakan faktor yang menentukan perhubungan antara jurulatih dan atlet. Hasil interaksi kesepaduan pasukan dengan efikasi kolektif, pasukan akan menunjukkan keyakinan yang

lebih tinggi di mana pemain akan bermain dengan lebih baik dengan corak pemikiran untuk memenangi perlawanan tersebut (Fransen et al., 2015). Bandura (1997), menyatakan semakin tinggi perasaan ahli pasukan terhadap efikasi kolektif maka semakin baik pasukan akan beraksi. Kajian yang dijalankan oleh Fransen et al, (2015) ke atas pemain bola tampar profesional mendapati pasukan yang mempunyai efikasi kolektif yang tinggi akan menduduki ranking yang lebih tinggi berbanding dengan pasukan yang rendah efikasi kolektif.

Kajian berkaitan persepsi atlet terhadap kompetensi kejurulatihan dan bagaimana persepsi tersebut memberi kesan ke atas kejayaan pasukan telah diberi tumpuan sama seperti efikasi kolektif (Manning, 2008). Hal ini kerana dalam konteks sukan, jurulatih telah dikenal pasti sebagai satu faktor sosial yang mempengaruhi kejayaan atlet pada semua tahap persaingan (Horn, 2002; Smoll & Smith 2002). Cara jurulatih menstrukturkan latihan dan situasi pertandingan, caranya membuat keputusan, kualiti dan kuantiti memberi maklum balas yang diberikan berdasarkan prestasi atlet dan pasukan, hubungan yang diwujudkan dengan atlet dan juga gaya kepimpinan jurulatih boleh memberikan impak terhadap tingkah laku, kognisi dan tindak balas afektif atlet (Amorose, 2007). Mageau dan Vallerand (2003), serta Smoll dan Smith (2002) menyatakan bahawa jurulatih boleh mempengaruhi proses pembelajaran atlet mereka dan keseronokan ketika melakukan aktiviti.

Efikasi kejurulatihan dan keberkesanan kejurulatihan merupakan pemboleh ubah yang terdapat dalam kompetensi kejurulatihan (Vargas-Tonsing, et al., 2003). Menurut

Feltz et al., (1999), efikasi kejurulatihan didefinisikan sebagai ‘tahap kepercayaan jurulatih bagaimana tingkah lakunya boleh memberi kesan kepada pembelajaran dan prestasi atletnya’. Antara faktor yang mempengaruhi efikasi kejurulatihan termasuklah tahap kelayakan jurulatih, pengetahuan jurulatih, pengalaman masa lalu sebagai seorang pemain dan jurulatih (Galvan et al, 2012; Myers et al., 2011b; Sullivan et al, 2012). Galvan et al, menyatakan jurulatih yang reflektif mempunyai kefahaman yang lebih baik mengenai amalan pedagogi yang diperolehi melalui pendidikan lanjutan seperti kursus dan seminar. Namun perbezaan pengalaman peribadi sebagai seorang pemain boleh mempengaruhi tingkah laku jurulatih.

Efikasi kolektif dalam pasukan turut dipengaruhi oleh jurulatih (Feltz et al., 1999).

Vargas-Tonsing et al., (2003), telah menjalankan kajian untuk melihat kekuatan perhubungan efikasi kejurulatihan ke atas atlet dan efikasi kolektif di dua belas buah pasukan bola tampar peringkat menengah atas. Vargas-Tonsing et al., (2003), mendapati kepercayaan terhadap kecekapan jurulatih merupakan peramal yang signifikan ke atas kecekapan pasukan. Kecekapan pasukan tidak dipengaruhi oleh efikasi sendiri. Keputusan kajian juga menunjukkan kecekapan jurulatih mempunyai kecenderungan yang tinggi mempengaruhi kepercayaan atlet terhadap prestasi pasukan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kesepaduan pasukan merupakan pemboleh ubah utama yang mempengaruhi prestasi pasukan dan banyak kajian telah dilakukan untuk melihat kesannya terhadap peningkatan

prestasi pasukan (Carron et al., 1985; Malcarne, 2012). Kesepaduan menjadi penentu dalam komposisi pasukan bukan sahaja dalam dunia sukan malah turut dikaji dalam perniagaan dan ketenteraan. Kesepaduan telah dikaji secara meluas dalam sukan selama lebih 40 tahun dan idea berkaitan kesepaduan boleh dilihat dalam penulisan awal lewat tahun 1930-an (Lewin, 1935) dan 1940-an (Cattell, 1948), dengan sebahagian besar penyelidikan giat dilaksanakan bermula 1970-an dan 1980-an serta semakin meluas pada awal tahun 2000-an. Malah, konsep kesepaduan pasukan dan kepentingannya boleh dilihat dengan ungkapan menarik ‘bersatu kita teguh, bercerai kita roboh’.

Sejak lebih tiga dekad kesepaduan telah mendominasi bidang psikologi sukan dan banyak kajian telah dilakukan untuk melihat kesannya terhadap peningkatan prestasi pasukan. Kajian demi kajian dilakukan untuk melihat bagaimana kesepaduan boleh memberi kesan terhadap peningkatan prestasi pasukan. Namun timbul beberapa kekangan kerana kajian yang dilakukan hanya melihat kesan kesepaduan terhadap pasukan tanpa mengambil kira kepercayaan atlet tentang konsep kesepaduan itu sendiri (Carron et al., 1985). Selain itu dalam beberapa tahun kebelakangan ini, muncul beberapa pemboleh ubah lain seperti efikasi kolektif dan kompetensi jurulatih yang turut sama mempengaruhi prestasi pasukan.

Hubungan antara kesepaduan dan prestasi didapati positif di mana kajian menunjukkan bahawa tahap kesepaduan dalam pasukan adalah peramal kepada prestasi pasukan (Weinberg dan Gloud, 2015). Kenyataan ini adalah satu daripada penemuan penting kerana secara tidak langsung memberi maklumat kepada jurulatih tentang

kepentingan kesepaduan terhadap peningkatan prestasi dan dinamik pasukan. Kini semakin ramai jurulatih melihat pasukan mereka secara keseluruhan dan berminat melihat bagaimana pasukan mereka berinteraksi sama ada di dalam atau di luar pertandingan. Jurulatih mula menyedari bahawa untuk membina pasukan yang kuat adalah dengan memaksimumkan kemahiran pemain kerana ia berkait rapat dengan pasukan dan bukannya daripada prestasi individu (Hampson dan Jowett, 2014).

Sebagai satu pemboleh ubah baru yang muncul dalam psikologi sukan, efikasi kolektif digambarkan sebagai satu kumpulan atau pasukan bersama-sama berkongsi keyakinan melaksanakan sesuatu tugas bagi menghasilkan matlamat yang diinginkan (Bandura, 1997). Pemboleh ubah ini telah menjadi tumpuan dalam psikologi sukan dan menarik minat ramai pengkaji untuk melihat kesannya terhadap peningkatan prestasi pasukan (Myers et. al., 2004). Kajian lampau mendapati ramai penyelidik telah berusaha untuk melihat kesan efikasi kolektif terhadap peningkatan prestasi dan banyak artikel yang memberi tumpuan terhadap efikasi kolektif dan prestasi pasukan, efikasi kolektif dan kesepaduan pasukan atau efikasi kolektif secara umum telah dihasilkan (Bandura, 2000; Beaubien, 2002; Gully et al, Joshi & Heuze et al., 2006; Katz-Navon & Erez, 2005; MacLean & Sullivan, 2013; Ronglan, 2007; Tasa et al., 2007).

Selaras dengan itu, kesan dan pengaruh efikasi kolektif terhadap prestasi telah diberi tumpuan khususnya dalam dunia sukan jika dibandingkan dengan pengaruh kesepaduan. Hal ini kerana efikasi kolektif adalah bidang kognitif dimana melibatkan proses penaakulan di samping dapat meningkatkan penguasaan, pemindahan, pengekalan

dan prestasi sesuatu kemahiran dan kepercayaan dalaman atlet tentang keupayaan pasukan mereka (Bandura, 2000). Efikasi kolektif juga mewakili kemampuan, usaha, ketekunan dan persiapan berdasarkan apa yang ahli inginkan terhadap pasukannya. (Hampson & Jowett, 2014; Pineau et al., 2014). Pasukan yang mempunyai keyakinan yang tinggi dalam kalangan pemain dan berkemampuan menunjukkan prestasi yang lebih baik daripada pihak lawan, besar kemungkinan pasukan tersebut mempunyai tahap efikasi kolektif yang tinggi (Jowett et al., 2012).

Kepercayaan terhadap efikasi kolektif penting dalam sukan kerana efikasi kolektif merupakan pemboleh ubah yang dapat mempengaruhi perhubungan antara pemain dalam pasukan. Efikasi kolektif mempengaruhi seberapa banyak usaha yang dilakukan oleh rakan sepasukan dan kemampuan ahli-ahli pasukan untuk terus maju apabila segala tugas yang dilakukan secara bersama tidak berjaya sepenuhnya (Short, 2015). Apabila atlet telah menjadi ahli dalam pasukan yang mempunyai perlakuan efikasi kolektif yang tinggi, mereka akan lebih cenderung mempertahankan pasukan, akan lebih terus berusaha dan akan mencabar diri mereka melakukan tugas yang lebih spesifik (Jowett et al., 2012). Kenyataan tersebut selaras dengan asas Teori Kognitif Sosial yang menyatakan bahawa dalam keadaan tertentu, dinamika pasukan dapat membezakan kepercayaan atlet terhadap efikasi kolektif (Short, 2015).

Penemuan efikasi kolektif telah mengubah beberapa pandangan mengenai keperluan mengkaji pemboleh ubah lain yang berpotensi mempengaruhi prestasi pasukan. Oleh itu, terdapat sebilangan pengkaji telah memberi tumpuan kepada persepsi atlet

terhadap kompetensi jurulatih dan bagaimana pemboleh ubah tersebut memberi kesan terhadap kejayaan pasukan (Broodryk et al., 2014; Myers et al., 2011a). Menurut Myers et al., (2010), kompetensi kejurulatihan ditakrifkan sebagai persepsi atlet terhadap kemampuan jurulatih yang mempengaruhi pembelajaran dan prestasi dirinya. Broodryk et al., (2014) menjelaskan, dapatan kajian lampau yang mengkaji kompetensi kejurulatihan mendapati, atlet telah memberi penilaian yang rendah berbanding penilaian yang jurulatih sendiri lakukan terhadap kecekapan mereka dalam memberi bimbingan berkaitan kompetensi motivasi, teknik permainan, strategi dan pembinaan watak.

Berikutan perkembangan pesat dalam dunia sukan, tumpuan penyelidikan telah beralih daripada mengkaji kecekapan jurulatih dari perspektif atau persepsi jurulatih kepada persepsi atlet terhadap kecekapan jurulatih. Hal ini kerana terdapatnya perbezaan yang signifikan dalam mengkaji persepsi atlet terhadap aspek kompetensi kejurulatihan di mana pemboleh ubah tersebut dikatakan sebagai peramal utama berkaitan prestasi pasukan. Peralihan tumpuan daripada jurulatih kepada atlet penting untuk melihat bagaimana kecekapan jurulatih dan keupayaan pasukan secara keseluruhan namun bagaimana kepentingan pemboleh ubah tersebut masih belum dikaji dengan lebih mendalam (Myers et al., 2011a). Menurut Broodryk et al., (2014), persepsi atlet terhadap kecekapan jurulatih merupakan satu kaedah yang amat bernilai dan boleh dijadikan panduan kepada jurulatih dalam amalan reflektif selepas sesuatu pertandingan atau pada akhir musim pertandingan.

Menurut Myers et al., (2011a) lagi, kemampuan dan keupayaan jurulatih mempengaruhi pasukan amat bergantung kepada penerimaan dan penilaian atlet terhadap

kecekapan jurulatih memberi maklum balas berkaitan tindakan dan perlakuan ketika menjalankan tugas. Persepsi atlet terhadap keberkesanan pengajaran yang jurulatih berikan, dapat dijadikan sebagai maklum balas kepada jurulatih untuk menilai semula pengajaran dan membuat refleksi serta dijadikan panduan dalam membina kekuatan pasukan untuk musim berikutnya. Broodryk et al., (2014), mendapati jurulatih yang kerap melakukan refleksi sendiri dan selalu menerima maklum balas dari atlet secara keseluruhannya menunjukkan bahawa jurulatih tersebut sememangnya mempunyai kompetensi kejurulatihan yang tinggi terhadap dimensi motivasi, strategi permainan, teknik dan pembinaan watak.

Kepercayaan jurulatih dan pemain memberi kesan terhadap kecekapan jurulatih dan efikasi kolektif. Bagi mendapatkan kefahaman yang lebih lanjut berkaitan konsep tersebut, Rad dan Gharehgozli (2013) telah menjalankan kajian ke atas atlet wanita liga bola keranjang di Iran. Seramai dua belas orang jurulatih dan seratus enam belas orang pemain telah dipilih menjawab soal selidik *Coaching Efficacy Scale* (CES) dan *Collective Efficacy Questionnaire for Sports* (CEQS). Keputusan kajian mendapati dimensi motivasi merupakan faktor utama yang menyumbang kepada efikasi kolektif pasukan bola keranjang wanita di Iran.

Selaras dengan itu, penekanan terhadap kepentingan efikasi kolektif, kesepaduan pasukan dan kompetensi kejurulatihan perlu diberi tumpuan sama seperti peningkatan kemahiran fizikal. Memperkembangkan hubungan antara ketiga-tiga pemboleh ubah tersebut dapat meningkatkan kepercayaan sendiri atlet dan rakan lain dalam pasukan.

Kefahaman yang jelas berkaitan fungsi setiap pemboleh ubah tersebut memperlihatkan betapa besarnya pengaruh efikasi kolektif, kesepaduan pasukan dan kompetensi kejurulatihan ke atas prestasi atlet dan pasukan.

Sehubungan itu, bagi memperluaskan lagi pengetahuan berkaitan ketiga-tiga pemboleh ubah tersebut, penyelidik telah menetapkan sasaran populasi iaitu atlet lelaki pasukan hoki bawah 15 tahun yang menyertai Pertandingan Hoki Liga Remaja Malaysia. Penyelidik juga menjalankan intervensi Program Penyatuan Pasukan ke atas sampel kajian yang telah dipilih dari sasaran populasi bagi membantu meningkatkan kefahaman tentang kepentingan efikasi kolektif, kesepaduan pasukan dan kompetensi kejurulatihan. Pengetahuan yang diperoleh melalui hubungan antara efikasi kolektif, kesepaduan pasukan dan kompetensi kejurulatihan dapat dijadikan asas kepada kajian lanjutan yang mengkaji pemboleh ubah yang sama tetapi mungkin berbeza mengikut jenis sukan dan gender.

1.3 Pernyataan Masalah

Malaysia pernah mengecapi zaman kegemilangan dalam sukan hoki. Pencapaian terbaik pasukan hoki senior negara ialah menduduki tempat keempat di Pertandingan Hoki Piala Dunia 1975 dan layak buat kali terakhir di pentas Olimpik pada temasya Sydney 2000 manakala pencapaian terbaik bagi pasukan junior pula ialah menduduki tempat keempat di Pertandingan Piala Dunia Remaja 2013 di New Delhi, India. Namun selepas itu, dalam lima tahun kebelakangan ini berita kejayaan pasukan hoki tidak lagi kedengaran. Apakah ini petanda prestasi pasukan hoki negara sedang mengalami kemerosotan. Perkara ini

dibuktikan lagi dengan kegagalan pasukan hoki lelaki ke temasya Olimpik Tokyo 2020 walaupun sudah mendahului Jepun dengan agregat 5 – 2. Mengulas mengenai perlawanan tersebut, S. Kumar yang juga merupakan penjaga gol pasukan hoki menyatakan:

“Kekalahan tersebut memang memeritkan. Keyakinan pasukan sememangnya tinggi sebelum perlawanan kerana kita berbekalkan lima gol. Namun entah mengapa keyakinan tersebut semakin goyah apabila Jepun berjaya bangkit mendapatkan gol hingga menyamakan kedudukan. Apapun kesemua ahli pasukan akur dengan kekalahan tersebut”

Jelaslah bahawa unsur keyakinan merupakan penyebab utama yang kerap membelenggu pasukan. Menurut Machida et al., (2012), keyakinan biasanya melibatkan kemahiran mental yang agak sukar untuk atlet kuasai. Dapatan kajian lampau mendapati, atlet yang berkeyakinan selalunya mempamerkan aksi yang lebih baik daripada aksi sebelumnya, berkeyakinan yang tinggi terhadap kemampuan pasukan dan lebih mencabar diri mereka dengan tugas yang lebih spesifik (Fransen et al., 2014). Bandura (1997), menjelaskan bahawa keyakinan diri dan keyakinan pasukan adalah saling berkait antara satu sama lain.

Keyakinan diri lebih terarah kepada kecekapan sendiri yang ditafsirkan sebagai kepercayaan kepada keupayaan seseorang untuk mengorganisasi dan melaksanakan siri aksi yang dikehendaki untuk menangani pelbagai situasi manakala keyakinan pasukan juga dikenali sebagai efikasi kolektif yang ditafsirkan sebagai ‘sumber kepercayaan terhadap

kemampuan pasukan yang dikongsi secara bersama dalam merancang dan melaksanakan tindakan yang diperlukan untuk mencapai matlamat tertentu'. Secara teorinya, keyakinan pasukan merupakan pemboleh ubah yang dapat meramal prestasi pasukan (Fransen et al., 2015; Pineau et al., 2014).

Fransen et al., (2015), menjelaskan bahawa keyakinan pasukan merupakan pemboleh ubah yang dapat meramalkan prestasi pasukan sebelum bermulanya sesuatu pertandingan. Fransen et al., (2015), telah menjalankan dua kajian untuk mengukur keyakinan pasukan pada tempoh masa yang berbeza. Dalam kajian pertama, kedua-dua jenis keyakinan iaitu efikasi kolektif dan keyakinan pasukan atlet bola sepak diukur sebelum pertandingan, pada permulaan pertandingan dan pada akhir separuh masa pertandingan. Keputusan kajian mendapati, arahan jurulatih pada sebelum pertandingan dan maklum balas ketika separuh masa merupakan kaedah yang paling berkesan untuk membina keyakinan pasukan.

Dalam kajian kedua keyakinan pasukan dan efikasi kolektif telah diukur selepas pertandingan. Fransen et al., (2015), mendapati keyakinan pasukan selepas pertandingan diperoleh melalui hubungan yang mendalam antara keyakinan pasukan dan prestasi. Jika pasukan beroleh kejayaan ianya akan mengesahkan bahawa keyakinan pasukan adalah satu keperluan dan begitulah sebaliknya. Oleh itu, keyakinan pasukan sebelum, semasa dan selepas pertandingan adalah saling berhubung antara satu sama lain dan apa yang lebih penting ialah keyakinan pasukan itu adalah bersifat dinamik.

Terdapat kesukaran membentuk keyakinan pasukan berikutan sifatnya yang sering berubah. Menurut Chow dan Feltz, (2014), atlet perlu menyatakan persetujuan mereka terhadap keyakinan pasukan dan persetujuan tersebut seharusnya telah disepakati walaupun persetujuan tersebut bertentangan dengan kehendak ahli. Persetujuan atlet terhadap keyakinan pasukan tidak hanya merangkumi kepercayaan terhadap pengetahuan, kebolehan dan kemahiran yang atlet miliki malah merangkumi kemampuan rakan sepasukan untuk bersatu. Kadang kala persetujuan tersebut menjadikan atlet keliru kerana setiap perlakuan atau aksi yang atlet lakukan akan terikat dengan komitmen pasukan. Menurut Fransen et al., (2015), persetujuan terhadap kemampuan pasukan dianggap tinggi jika adanya konsensus antara ahli-ahli berkaitan matlamat dan hala tuju pasukan. Walau bagaimana pun, persetujuan mengenai kemampuan pasukan menjadi tidak bermakna jika setiap atlet dalam pasukan mempunyai keyakinan yang sama tentang kebolehan pasukan. Sebaik-baiknya persetujuan tersebut perlu menunjukkan nilai tambah dan memberi makna kepada peningkatan prestasi pasukan.

Bandura (1997), turut menyatakan bahawa semakin tinggi kepercayaan terhadap keyakinan maka semakin baik pasukan akan beraksi. Untuk mengekal dan meningkatkan keyakinan pasukan, penggunaan motivasi, kepimpinan dalam pasukan, keberkesanan jurulatih, kejelasan peranan dan jangkaan pasukan seharusnya ada. Selain itu, tempoh masa bersama dalam pasukan turut mempengaruhi keyakinan dalam kalangan atlet. Menurut Short (2015), kepercayaan terhadap keyakinan pasukan memerlukan masa untuk berkembang dalam kalangan pemain. Oleh yang demikian, ahli pasukan seharusnya diberi sejumlah masa bermain bagi membina dan mengembangkan kepercayaan terhadap

keyakinan pasukan secara konsisten. Short (2015), turut menjelaskan bahawa kepercayaan terhadap keyakinan pasukan lebih rendah pada awal musim pertandingan namun kepercayaan tersebut akan meningkat seiring bertambahnya jumlah pertandingan yang disertai oleh pasukan.

Kepercayaan atlet terhadap keyakinan pasukan juga berkait rapat dengan tahap kerjasama antara ahli-ahli dalam pasukan. Dalam sukan berpasukan, unsur kerjasama merupakan satu proses kognitif yang merangkumi penyelarasan, komunikasi, organisasi dan cara-cara ahli pasukan membuat keputusan (Beauchamp & Eys, 2008). Sukan seperti olahraga dan gimnastik memerlukan interaksi dan komunikasi yang minimum dalam kalangan atlet. Oleh itu prestasi pasukan sering ditentukan dengan mengambil kira jumlah prestasi setiap individu. Sebaliknya dalam sukan seperti hoki, pencapaian pasukan akan terhasil daripada usaha bersepadu antara ahli. Menurut Bandura (1997), tahap kerjasama antara ahli boleh memberi kesan kepada hubungan antara atlet dan keyakinan pasukan. Apabila tahap kerjasama rendah, kepercayaan atlet terhadap keyakinan pasukan mungkin tidak lebih daripada hanya sekadar memberi kepuasan kepada peribadi atlet.

Selain itu, konflik dalam pasukan juga turut mempengaruhi keyakinan pasukan. Leo et al, (2015), menjelaskan bahawa kejayaan menangani konflik dapat membantu mengembangkan keyakinan pasukan. Antara strategi yang boleh digunakan untuk menangani konflik termasuklah perjumpaan, perbincangan dan perundingan. Apabila pasukan berjaya mengatasi konflik antara atlet sesama atlet dan antara atlet-jurulatih, kesepaduan akan meningkat dalam pasukan dan seterusnya keyakinan pasukan dapat

dikembangkan ke tahap yang lebih tinggi. Menurut Subramanyam (2013), faktor yang paling konsisten membezakan pasukan yang paling berjaya dengan pasukan yang kurang berjaya ialah keyakinan pasukan.

Keberkesanan dan kecekapan jurulatih juga turut mempengaruhi keyakinan pasukan (Feltz et al., 1999). Horn (2002), menyatakan jurulatih dianggap mempunyai pengaruh yang besar dalam kehidupan atlet dari aspek prestasi, tingkah laku, psikologikal dan emosi. Kavussanu et al., (2008), pula mendapati atlet mempunyai persepsi yang berbeza tentang sejauh mana kompetensi jurulatih dapat mempengaruhi motivasi, teknik, strategi permainan dan pembentukan watak pada diri atlet. Soheily et al., (2015), menyatakan jurulatih merupakan faktor yang konsisten dalam membentuk dan meningkatkan kualiti pasukan di samping memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan prestasi atlet.

Dapatan kajian lampau menunjukkan jurulatih memainkan peranan penting dalam pasukan dari segi peningkatan prestasi dan mewujudkan semangat berpasukan secara berterusan (Carron & Chelladurai, 1981; Turman, 2003). Kepuasan pemain terhadap jurulatih mempunyai kaitan yang rapat tentang kecekapan jurulatih memberi motivasi dan seterusnya mempengaruhi aspek psikologikal pemain (Myers et.al, 2006). Hasil kompetensi jurulatih dapat meningkatkan keyakinan pasukan (Feltz et.al, 1999), namun sejauh mana kompetensi jurulatih dapat meningkatkan kepercayaan atlet sering menjadi pertikaian kerana kepercayaan itu terhasil daripada proses penilaian yang kompleks dan berstruktur.



Selain itu, keupayaan jurulatih memahami setiap atlet secara individu, merangka pelbagai strategi kejurulatihan dan kaedah memberi maklum balas merupakan aspek penting yang boleh mempengaruhi kepercayaan atlet terhadap kecekapan jurulatih (Giacobbi et al., 2002). Bagi membentuk sekumpulan atlet ke arah satu pasukan dengan matlamat yang sama bukanlah perkara yang mudah kerana setiap atlet mempunyai persepsi mereka sendiri terhadap pasukan dan pada masa-masa tertentu agenda peribadi mereka akan mengatasi agenda utama pasukan di mana akhirnya akan menyebabkan beberapa jenis konflik berlaku. Jurulatih yang kompeten sudah tentu dapat meramalkan konflik tersebut dan proaktif dalam mendekati dan meneutralkan keadaan yang mungkin tidak menentu. Salah satu teknik yang berpotensi mencegah konflik dan meningkatkan prestasi atlet adalah melalui penggunaan aktiviti penyatuan pasukan (Bloom & Stevens, 2002; Bloom et al., 2003).



Penilaian atlet terhadap keyakinan pasukan, kesepaduan dan kompetensi kejurulatihan seharusnya diberi tumpuan dalam usaha melahirkan pasukan negara yang dapat mengharungi pelbagai cabaran di peringkat antara bangsa. Hal ini kerana konsep pasukan pada hari ini bukan sekadar bergantung kepada teknologi dan peralatan canggih yang digunakan sebagai persediaan membentuk pasukan yang berkualiti namun kekuatan pasukan itu terletak kepada faktor keyakinan atlet terhadap kemampuan pasukan. Menurut Zaccaro et.al, (1995), selain berkongsi keyakinan terhadap kemampuan pasukan, atlet juga perlu berkongsi keyakinan terhadap kecekapan pemain dari segi kemahiran, keselarasan tugas dan berkongsi pelbagai sumber ketika menjalankan tugas secara spesifik. Elemen-elemen ini perlu diberi perhatian agar kebekesanan keyakinan itu hadir dalam



pasukan. Kegagalan memberi perhatian terhadap unsur keyakinan menyebabkan atlet tidak faham akan peranannya sebagai seorang pemain dalam pasukan.

Menyedari permasalahan yang wujud, satu intervensi Program Penyatuan Pasukan dijalankan ke atas atlet pasukan hoki di Sekolah Sukan Bukit Jalil di mana atlet berpeluang mempelajari dan meningkatkan lagi pengetahuan berkaitan efikasi kolektif, kesepaduan pasukan dan kompetensi kejurulatihan. Kefahaman dan pengetahuan yang mendalam berkaitan ketiga-tiga pemboleh ubah tersebut di harap dapat membantu atlet meningkatkan keyakinan terhadap kemampuan pasukan. Pemilihan atlet remaja pasukan hoki sebagai subjek kajian dilakukan kerana dalam beberapa acara sukan di Olimpik peratus penglibatan atlet yang berumur 21 tahun ke bawah adalah tinggi (Norsilawati, 2011). Pemilihan atlet hoki sekolah sukan dilakukan kerana atlet ini merupakan generasi pelapis yang akan membawa cabaran Malaysia pada masa hadapan (Nelfianty, 2009).

Selain itu pemilihan sukan hoki sebagai subjek kajian dilakukan kerana hoki merupakan sejenis sukan interaktif di mana pemain perlu bersaing menentang lawan dan saling menyokong antara satu sama lain ketika melaksanakan tugas. Hoki juga merupakan sukan yang sangat berstruktur dan bersifat analitikal di mana pemain sentiasa perlu berurusan dengan situasi permainan yang kompleks dan sering berubah mengikut persekitaran. Kecekapan pemain bertindak bergantung kepada sejauh mana atlet berkongsi keyakinan terhadap kemampuan pasukan yang dimilikinya (Heuze et al., 2006) dan kepatuhan arahan jurulatih serta keberkesanan sesuatu intervensi yang dilalui oleh pemain tersebut (Reese, 2005).

1.4 Objektif Kajian

Tujuan utama penyelidikan ini adalah mengenal pasti dengan lebih mendalam kesan Program Penyatuan Pasukan ke atas efikasi kolektif, kesepaduan pasukan dan kompetensi kejurulatihan pasukan hoki kumpulan eksperimen iaitu pasukan hoki remaja bawah 15 tahun Sekolah Sukan Bukit Jalil dan kumpulan kawalan iaitu pasukan hoki remaja bawah 15 tahun Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail, Bandar Penawar. Secara khususnya, objektif kajian ini ialah:

1.4.1 Mengetahui aras efikasi kolektif, kesepaduan pasukan dan kompetensi kejurulatihan pasukan hoki bawah 15 tahun kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan sebelum intervensi dijalankan.

1.4.2 Mengetahui perbezaan efikasi kolektif, kesepaduan pasukan dan kompetensi kejurulatihan pasukan hoki kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan sebelum dan selepas intervensi dijalankan.

1.5 Persoalan Kajian

Pernyataan persoalan kajian dalam penyelidikan ini dibentuk berdasarkan teori dan sorotan kajian tiga pembolehubah iaitu efikasi kolektif, kesepaduan pasukan dan kompetensi kejurulatihan dan Program Penyatuan Pasukan yang digunakan.

Persoalan 1

Apakah aras efikasi kolektif pasukan hoki kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan sebelum intervensi dijalankan?

Persoalan 2

Apakah aras kesepaduan pasukan pasukan hoki kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan sebelum intervensi dijalankan?

Persoalan 3

Apakah aras kompetensi kejurulatihan pasukan hoki kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan sebelum intervensi dijalankan?

Persoalan 4

Adakah terdapat perbezaan efikasi kolektif, kesepaduan pasukan dan kompetensi kejurulatihan antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan sebelum dan selepas intervensi dijalankan?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi mempertingkatkan lagi pengetahuan berkaitan efikasi kolektif, kesepaduan pasukan dan kompetensi kejurulatihan. Secara khususnya, kajian ini lebih menumpukan kepada persepsi atlet terhadap efikasi kolektif, kesepaduan pasukan dan kompetensi kejurulatihan dalam kalangan pemain hoki yang menyertai pertandingan Hoki

Liga Remaja Malaysia pada tahun 2017. Penyelidik menggunakan empat set instrumen soal selidik bagi tujuan mengumpul data. Empat set instrumen soal selidik yang digunakan ialah pertama *Collective Efficacy for Sports* (CEQS); Short et al., (2005) bagi mengukur persepsi atlet terhadap efikasi kolektif. Instrumen soal selidik kedua ialah *Group Environmen Questionnaire* (GEQ); Eys et al., (2007) bagi mengukur persepsi atlet terhadap kesepaduan pasukan manakala insrumen ketiga ialah *Coaching Competency Scale* (CCS); Myers et al., (2006) bagi tujuan mengukur peserpasi atlet terhadap kompetensi kejurulatihan.

Dalam kajian ini juga, penyelidik membina satu Program Penyatuan Pasukan yang mengandungi dua belas aktiviti berbentuk permainan yang bertujuan untuk memberi kefahaman yang lebih jelas berkaitan efikasi kolektif, kesepaduan pasukan dan kompetensi kejurulatihan ke atas atlet pasukan hoki. Intervensi Program Penyatuan Pasukan dijalankan ke atas atlet pasukan hoki ($n= 22$) bawah 15 tahun Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ) yang merupakan kumpulan eksperimen dalam kajian ini.

Persepsi atlet terhadap efikasi kolektif, kesepaduan pasukan dan kompetensi kejurulatihan diukur berpandukan penilaian atlet terhadap pernyataan yang terdapat dalam instrumen soal selidik. Melalui kajian ini, penyelidik berharap dapat memberikan data kuantitatif dari sudut statistik berkaitan kepentingan efikasi kolektif, kesepaduan pasukan dan kompetensi kejurulatihan. Secara tidak langsung, data kuantitatif yang diperolehi dalam kajian ini dapat dijadikan sebagai panduan asas kepada mana-mana pengkaji lain yang

berminat untuk menjalankan kajian yang serupa mengenai efikasi kolektif, kesepaduan pasukan dan kompetensi kejurulatihan dalam mana-mana jenis sukan.

Hasil kajian ini juga dapat memberi gambaran yang jelas kepada atlet, jurulatih, psikologis dan profesional sukan mengenai interaksi efikasi kolektif, kesepaduan pasukan, kompetensi kejurulatihan. Bagi pihak atlet dan jurulatih diharapkan hasil kajian akan meningkatkan lagi pengetahuan dan informasi bahawa terdapat banyak faktor dalam psikologi sukan yang menjadi penentu kepada peningkatan prestasi. Selain itu, hasil kajian ini juga dapat dijadikan sebagai tambahan kepada kajian semasa yang mengkaji perhubungan antara efikasi kolektif, kesepaduan pasukan dan kompetensi kejurulatihan.

Dapatan kajian diharap dapat dijadikan sebagai titik permulaan untuk psikologis dan penggiat sukan, ahli-ahli akademik atau penyelidik lain untuk mengkaji dengan lebih mendalam mengenai peranan pemboleh ubah bebas lain yang telah dikenalpasti sebagai peramal terhadap peningkatan prestasi pasukan. Kerangka program penyatuan pasukan yang dikemukakan mengandaikan bahawa terdapat tiga pemboleh ubah utama yang perlu diberi perhatian dan berpotensi menjadi penghalang kepada peningkatan prestasi pasukan. Kajian ini melibatkan penilaian atlet tentang kecekapan jurulatih terhadap kemampuan jurulatih dari aspek memberi motivasi, teknik kejurulatihan, merangka strategi permainan dan pembentukan watak kepada diri atlet.

Secara asasnya, pasukan yang mempunyai jurulatih yang tinggi efikasi kejurulatihannya akan lebih faham akan kerjayanya dan memberi lebih komitmen terhadap

kejayaan pasukannya. Oleh yang demikian, hasil daripada penilaian atlet terhadap kecekapan jurulatih dapat dijadikan maklum balas dan panduan kepada jurulatih bagi membentuk pasukan pada musim berikutnya. Broodryk et al., (2014), mendapati persepsi atlet merupakan kaedah yang paling tepat yang boleh jurulatih gunakan dalam amalan reflektif selepas pertandingan atau pada akhir musim pertandingan. Sebuah pasukan yang mempunyai tahap prestasi tertinggi (Feltz et al., 1999) dan sentiasa mencapai kejayaan adalah bukti bahawa pasukan itu mempunyai jurulatih yang tinggi efikasi kejurulatihan berbanding pasukan yang rendah efikasi kejurulatihannya (Myers et al., 2005).

Selanjutnya, dapatan kajian ini juga diharapkan dapat menambahkan sumber dan akses yang terhad berkaitan bidang psikologi sukan. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Creasy et al., (2009), mendapati 100 peratus jurulatih bersetuju bahawa kemahiran psikologi adalah sama penting dengan membangunkan kemahiran fizikal namun hanya sembilan peratus sahaja jurulatih yang memberi tumpuan terhadap kemahiran psikologi dalam jadual latihan mereka disebabkan tahap pengetahuan yang rendah dan sumber yang terhad.

1.7 Batasan Kajian

Setiap kajian yang dijalankan oleh penyelidik mempunyai batasan tertentu yang mempengaruhi dapatan kajian. Menurut Noraini (2010), batasan kajian akan memperihalkan secara eksplisit perkara-perkara yang tidak akan dipertimbangkan dalam penyelidikan. Batasan yang dinyatakan dengan jelas dapat menghindari sebarang

kesamaran dalam penyelidikan yang dijalankan. Batasan kajian dibahagikan kepada dua iaitu delimitasi kajian dan limitasi kajian. Merujuk kepada Baumgartner et al., (2005), delimitasi merupakan perkara-perkara yang boleh dikawal oleh penyelidik seperti (a) bilangan dan jenis subjek, (b) bilangan dan jenis pemboleh ubah, (c) ujian, pengukuran atau instrumen, (d) peralatan, (e) jenis program latihan, (f) masa dan kekerapan, dan (g) prosedur analitikal.

Manakala Thomas et al., (2001), menyatakan limitasi adalah batasan yang disebabkan kelemahan yang berlaku akibat daripada perkara yang tidak dapat dikawal oleh penyelidik semasa menjalankan kajian. Menurut Baumgartner et al., (2005) pula terdapat pendekatan penyelidikan, reka bentuk, kaedah dan teknik kajian, masalah persampelan, pemboleh ubah tidak terkawal, kesilapan pentadbiran ujian atau program latihan, ciri-ciri subjek yang diwakili, kesahan dalaman dan luaran, kesahan dan kebolehpercayaan instrument kajian merupakan limitasi-limitasi kajian. Dalam kajian ini, penyelidik telah mengenal pasti beberapa delimitasi dan limitasi yang mungkin akan mempengaruhi dapatan kajian.

1.7.1 Delimitasi Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah kuasi-eksperimen di mana secara amnya proses pemilihan peserta tidak melibatkan pengagihan secara rawak. Oleh kerana reka bentuk kuasi-eksperimen tidak memberi kawalan penuh, adalah penting untuk penyelidik sedar akan

ancaman terhadap kesahan dalaman dan luaran serta mengambil kira faktor-faktor ini apabila membuat interpretasi tentang dapatan kajian yang diperoleh.

Selain itu, kajian ini melibatkan proses pengumpulan data berasaskan instrumen soal selidik. Aras efikasi kolektif diukur dengan menggunakan soal selidik CEQS (*Collective Efficacy Questionnaire for Sports*; Short et al., 2005) manakala aras kesepaduan pasukan diukur dengan menggunakan soal selidik GEQ (*Group Environment Questionnaire*; Eys et al., 2007). Aras persepsi atlet terhadap kompetensi kejurulatihan pula diukur menggunakan soal selidik CCS (*Coaching Competency Scale*; Myers et al., 2006). Pemilihan soal selidik ini sebagai instrumen kajian adalah bersesuaian dengan bidang kajian kerana setiap item dalam soal selidik mewakili pengetahuan atlet tentang pembolehubah yang dikaji dalam kajian ini. Semua proses pengumpulan data menggunakan instrumen tersebut dilakukan dalam ujian pra dan ujian pasca.

1.7.2 Limitasi Kajian

Antara limitasi kajian yang telah dikenal pasti ialah penyelidik tidak dapat mengawal komunikasi antara subjek kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan melainkan semasa intervensi program penyatuan pasukan ke atas subjek kumpulan eksperimen. Selain itu, kajian ini adalah berasaskan kepada kejujuran responden sepenuhnya untuk menjawab soalan yang dikemukakan melalui instrumen soal selidik. Kejujuran dan kesungguhan subjek menjawab soal selidik juga tidak dapat dikawal oleh penyelidik turut sama memberi kesan terhadap dapatan kajian.

1.8 Definisi Operasional

Definisi operasional dalam kajian digunakan untuk menjelaskan responden, pemboleh ubah yang diuji atau dimanipulasi dalam sesuatu penyelidikan dan dapat memberi satu gambaran tentang bagaimana konsep yang hendak dikaji itu boleh diperhatikan (Sabitha, 2006). Sehubungan itu, definisi operasional dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1.8.1 Efikasi Kolektif

05-4506832 Efikasi kolektif merujuk kepada kepercayaan individu terhadap kemampuannya atau pasukannya berfungsi sebagai satu unit untuk menyelesaikan sesuatu tugas (Hampson & Jowett, 2014; Pineau et al., 2014; Son et al., 2011). Efikasi kolektif juga merujuk kepada satu kumpulan atau pasukan berkongsi keyakinan bersama-sama melaksanakan sesuatu tugas bagi menghasilkan matlamat yang diinginkan dan perubahan sosial tertentu (Bandura, 1997). Pengukuran efikasi kolektif dilakukan dengan menilai keyakinan atlet/pelajar terhadap kemampuan pasukan mereka untuk menyelesaikan tugas tanpa mengira hasil akhir yang diperoleh (Fransen et al., 2015). Dalam kajian ini pengukuran efikasi kolektif dilakukan dengan menggunakan instrumen soal selidik *Collective Efficacy Questionnaire for Sports* (CEQS); Short et al., (2005).

Soal selidik ini terdiri daripada 20 item soalan yang bertujuan menilai keyakinan atlet terhadap kemampuan pasukan untuk pertandingan akan datang. Soal selidik terdiri daripada lima konstruk dan setiap konstruk mengandungi empat item soalan. Konstruk

Keupayaan terdiri item (1, 5, 11, 14), konstruk Usaha (2, 10, 13, 17), konstruk Kegigihan (3, 9, 15, 16), konstruk Persediaan (4, 12, 18, 19) dan konstruk Perpaduan (6,7,8, 20). Instrumen soal selidik CEQS ini menggunakan Skala Likert 9 mata bermula 1 (*Sangat Tidak Yakin*) sehingga 9 (*Sangat Yakin*).

1.8.2 Kesepaduan Pasukan

Merujuk kepada sebagai satu proses dinamik yang digambarkan sebagai kecenderungan kumpulan serasi bersama dan kekal bersatu dalam mengejar objektif instrumental atau keperluan afektif pasukan (Carron et al., 1998). Kesepaduan juga merupakan pembolehubah yang terpenting dalam kumpulan kecil (Golembiewski, 1962; Lott & Lott, 1965) dan telah dikaji secara meluas dalam beberapa bidang seperti psikologi sosial, tingkah laku organisasi dan terkini dalam psikologi sukan (Carron & Brawley, 2000). Kesepaduan pasukan merupakan satu bentuk konstruk multidimensi yang menggabungkan kesepaduan tugas dan kesepaduan sosial (Carron et al., 1985; Carron et al., 1998; Carron et al., 2002).

Dalam kajian ini, model konseptual Carron et al., (1985) telah digunakan di mana model tersebut telah membahagikan kesepaduan kepada empat dimensi iaitu Integrasi Kumpulan-Tugas (IK-T), Tarikan Individu Kepada Kumpulan-Tugas (TIK-T), Integrasi Kumpulan-Sosial (IK-S) dan Tarikan Individu Kepada Kumpulan-Sosial (TIK-S).

1.8.3 Kesepaduan Tugas

Kesepaduan tugas adalah tahap di mana ahli pasukan bersama-sama menyelesaikan masalah atau menyempurnakan sesuatu tugas yang spesifik. Carron et al., (2002), menjelaskan bahawa kesepaduan tugas adalah sejauh mana ahli-ahli pasukan bekerjasama untuk mencapai matlamat tertentu dan yang telah dikenal pasti. Kesepaduan tugas terdiri daripada dua dimensi iaitu Integrasi Kumpulan-Tugas (IK-T) yang merujuk kepada persepsi individu bagaimana pasukannya kekal bersatu sebagai satu kumpulan dalam mencapai matlamat pasukan manakala dimensi Tarikan Individu Kepada Kumpulan-Tugas (TIK-T) merujuk kepada penglibatan peribadi atlet secara keseluruhan sebagai sebahagian daripada unit dalam mencapai matlamat tugas pasukan (Carron et al., 1985; Eys et al., 2009a).

Dalam kajian ini, IK-T dan TIK-T atlet diukur dengan menggunakan instrumen soal selidik GEQ (*Group Environment Questionnaire*; Eys et al., 2007). Soal selidik ini terdiri daripada 18 item soalan bertujuan menilai persepsi atlet berkaitan penglibatan diri atlet dalam pasukan. Instrumen soal selidik GEQ ini menggunakan Skala Likert 9 mata bermula dari 1 (*Sangat Tidak Setuju*) sehingga 9 (*Sangat Setuju*). Dimensi IK-T terdiri daripada lima item soalan iaitu (10, 11, 12, 14, 17) manakala dimensi TIK-T terdiri daripada empat item soalan iaitu (2, 4, 6, 8).

1.8.4 Kesepaduan Sosial

Merujuk kepada sejauh mana ahli berpuas hati dengan pasukan dan persahabatan antara satu sama lain (Filho et al., 2015). Kesepaduan sosial juga merujuk kepada tahap hubungan interpersonal dalam kalangan ahli pasukan. Menurut Kozub dan McDonnell (2000), kesepaduan sosial terdiri daripada koleksi dua atau lebih individu yang mempunyai identiti yang sama, mempunyai matlamat dan objektif yang sama, berkongsi nasib yang sama, mempamerkan corak interaksi dan kaedah komunikasi yang berstruktur, mempunyai persepsi umum tentang struktur kumpulan, bahawa peribadi dan instrumental adalah saling bergantung, membalas tarikan interpersonal dan menganggap diri mereka sebagai satu kumpulan.

Kesepaduan sosial terdiri daripada dua dimensi iaitu Integrasi Kumpulan-Sosial (IK-S) yang merujuk kepada perasaan individu terhadap kesepaduan sebagai satu unit sosial manakala Tarikan Individu Kepada Kumpulan-Sosial (TIK-S) pula merujuk kepada penglibatan peribadi atlet dan kesesuaiannya dengan kumpulan sosial dalam pasukan (Carron et al., 1985; Eys et al., 2009a). Dalam kajian ini, IK-S dan TIK-S atlet diukur dengan menggunakan instrumen soal selidik GEQ (*Group Environment Questionnaire*; Eys et al., 2007). Soal selidik ini terdiri daripada 18 item soalan bertujuan menilai persepsi atlet berkaitan penglibatan diri atlet dalam pasukan. Instrumen soal selidik GEQ ini menggunakan Skala Likert 9 mata bermula dari 1 (*Sangat Tidak Setuju*) sehingga 9 (*Sangat Setuju*). Dimensi IK-S terdiri daripada empat item soalan iaitu (13, 15, 16, 18) manakala dimensi TIK-S terdiri daripada lima item soalan iaitu (1, 3, 5, 7, 9)..

1.8.5 Kompetensi Kejurulatihan

Merujuk kepada sejauh mana jurulatih percaya bahawa mereka mempunyai keupayaan untuk menggubal tingkah laku pemain dan memenuhi tugas-tugas yang diharapkan daripada jurulatih. Feltz et al., (1999) mencadangkan bahawa tingkah laku kejurulatihan dan tugas boleh dikumpulkan ke dalam empat dimensi iaitu motivasi atlet, penggunaan strategi, teknik kejurulatihan dan kemahiran pembinaan watak. Dalam kajian ini pengukuran kompetensi kejurulatihan dilakukan dengan menggunakan instrumen soal selidik *Coaching Competency Scale (CCS)*; Myers et al., (2006).

Soal selidik ini terdiri daripada 24 item soalan yang bertujuan menilai persepsi atlet terhadap kecekapan jurulatih. Soal selidik terdiri daripada empat konstruk iaitu konstruk Kompetensi Motivasi yang terdiri daripada item (1, 3, 6, 10, 12, 15, 23), konstruk Kompetensi Strategi Permainan (2, 4, 8, 9, 11, 17, 21), konstruk Kompetensi Teknik Kejurulatihan (7, 14, 16, 18, 20, 22), dan konstruk Kompetensi Pembinaan Watak (5, 13, 19, 24). Instrumen soal selidik CCS ini menggunakan Skala Likert 9 mata bermula 1 (*Sangat Tidak Cepak*) sehingga 9 (*Sangat Cepak*).

1.8.6 Program Penyatuan Pasukan

Program penyatuan pasukan dalam kajian ini merujuk kepada satu pelan aktiviti yang direkacipta bagi tujuan meningkatkan kefahaman dan kepercayaan atlet terhadap efikasi kolektif, kesepaduan pasukan dan kompetensi kejurulatihan. Program penyatuan pasukan

adalah satu daripada kaedah yang paling berkesan untuk mengkaji teori dinamika kumpulan yang berkait dengan kesepaduan pasukan dalam bentuk latihan (Gill & Williams, 2008; Martin et al., 2013). Menurut Bloom et al., (2003), program penyatuan pasukan sebagai satu proses berterusan yang melibatkan pelbagai aspek di mana ahli-ahli belajar bagaimana bekerjasama bagi mencapai matlamat secara bersama dan berkongsi maklumat yang relevan mengenai kualiti fungsi pasukan dan mewujudkan lebih banyak cara untuk pasukan beroperasi dengan lebih berkesan

Terdapat dua belas aktiviti direkacipta yang berkait rapat dengan efikasi kolektif, kesepaduan pasukan dan kompetensi kejurulatihan. Aktiviti Efikasi Kolektif terdiri daripada (3 lawan 3, Pidato, Mengelecek India, Bulatkan Tekadmu), aktiviti Kesepaduan Pasukan pula terdiri daripada (Puzzle Nasib, Aksi Ular, Copstik dan Kiub Ais, Kumpul Guli) dan aktiviti Kompetensi Kejurulatihan terdiri daripada (Tropi, Kepala atau Ekor, 'Positive Envelopes', Pukulan Sudut Penalti).

1.8.7 Atlet Pasukan Hoki

Atlet pasukan hoki adalah pelajar yang bersekolah di Sekolah Sukan Bukit Jalil dan Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail, Bandar Penawar, Johor. Atlet ini terbahagi kepada dua kategori iaitu atlet di bawah program pembangunan yang berada di bawah tanggungjawab sekolah sepenuhnya dan atlet elit iaitu atlet yang berada dalam program persediaan Majlis Sukan Negara untuk menyertai sukan berprestij seperti Sukan Olimpik, Sukan Komanwei, Sukan Asia dan Sukan SEA (Nelfianty, 2009). Dalam kajian ini, atlet

pasukan hoki merujuk kepada pelajar yang bersekolah di Sekolah Sukan Bukit Jalil dan Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail, Bandar Penawar yang berumur antara 13 hingga 15 tahun pada tahun 2017. Atlet pasukan hoki dalam kajian ini juga merupakan atlet yang berada di bawah program pembangunan yang dikelolakan sepenuhnya oleh sekolah berkenaan.

1.8.8 Pertandingan Hoki Liga Remaja Malaysia

Pertandingan Hoki Liga Remaja Malaysia merupakan pertandingan liga utama bagi kelab hoki yang bergabung dengan Persekutuan Hoki Malaysia. Terdapat dua kategori pertandingan iaitu Kategori Remaja Bawah 19 tahun dan Kategori Remaja Bawah 15 tahun. Kategori Remaja Bawah 19 tahun melibatkan Liga Premier, Divisyen Satu dan kategori wanita manakala Kategori Remaja Bawah 15 tahun melibatkan Divisyen Satu dan Divisyen Dua (A) dan Divisyen Dua (B). Divisyen Satu bagi kategori remaja bawah 15 tahun dianggotai seramai sembilan pasukan di mana Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ) dan Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail (SSMTI) merupakan dua buah pasukan dari Sekolah Sukan Malaysia yang bukan bertaraf kelab antara pasukan dalam Divisyen Satu. Dalam kajian ini, Pertandingan Hoki Liga Remaja Malaysia merujuk kepada Kategori Bawah 15 tahun dari Divisyen Satu pada tahun 2017.

1.9 Rumusan

Reka bentuk kajian ini adalah kuasi-eksperimen yang bertujuan untuk mengenal pasti kesan program penyatuan pasukan terhadap efikasi kolektif, kesepaduan pasukan dan kompetensi kejurulatihan ke atas atlet hoki remaja. Intervensi aktiviti program penyatuan pasukan akan dijalankan untuk mengkaji aras, perbezaan dan perhubungan antara variabel. Kerangka konseptual kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif, kepentingan kajian dan batasan kajian turut diperjelaskan. Bab seterusnya akan mengemukakan tinjauan literatur yang mendasari kajian ini.